



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAK EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KENYATAAN BAGI MENDAPATKAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN : JBBSB/LTK/2026-2027/03/BPG/SPPP/02
KETERANGAN TAWARAN : JANITORIAL SERVICES, PEST CONTROL,
LANDSCAPING, GRASSCUTTING AND GROUND MAINTENANCE FOR
BANGUNAN PASAR GADONG AND ITS SURROUNDING AREAS

[18 DECEMBER 2026 UNTIL 17 DECEMBER 2028]

YURAN TAWARAN : BND \$50.00 (Tidak Dikembalikan)
KELAS : III KE ATAS
KATEGORI : MINIMUM SO1 DAN SO2
TARIKH TUTUP : HARI KHAMIS, 04 JAMADILAWAL 1448 BERSAMAAN
15 OKTOBER 2026. PUKUL 2.00 PETANG

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat dan Pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam Menurut **Sijil Pendaftaran Perniagaan** di bawah **Seksyen 16 dan 17** dari **Akta Nama-Nama Perniagaan (Business Name Act)**.
2. Dokumen tawaran dikenakan bayaran yuran sebanyak BND \$50.00 (Lima Puluh Dolar Drunei) Pembayaran bolehlah dibuat di Kaunter Pembayaran **Seksyen Kewangan dan Cukai, Tingkat 3, Ibu pejabat bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri** melalui kaedah pembayaran tanpa wang tunai (*Cashless payment*)
3. Dokumen tawaran boleh diperolehi dengan menunjukan Salinan Resit Pembayaran Yuran Tawaran kepada kaunter **Seksyen Perlesenan dan Pengurusan Peniaga, Tingkat 2, Ibu pejabat bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri**.
4. Tarikh tutup tawaran adalah pada Hari Khamis, 04 Jamadilawal 1448 bersamaan 15 Oktober 2026. Pukul 2.00 Petang dan tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

...2/-

5. Tawaran dan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disertakan hendaklah dihadapkan di dalam sampul bertutup dengan menulis sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim ke dalam Peti Tawaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang ditujukan kepada;

PENGURUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
ARAS BAWAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
JALAN JAMES PEARCE, BANDAR SERI BEGAWAN
BS8610, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6. Jika penender berhasrat untuk membatalkan atau tidak ikut serta dalam tawaran ini, dokumen asal hendaklah dikembalikan dengan tatacara sama seperti di para 5;

7. Syarikat yang berjaya hendaklah mematuhi setiap peraturan, perjanjian yang telah dipersetujui termasuk tempoh pembekalan dan segala maklumat yang terkandung di dalam borang sebutharga yang diisi oleh syarikat berkenaan. Syarikat yang berjaya juga hendaklah memastikan pembekalan yang akan disediakan adalah dalam keadaan yang baik.

8. Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan berhak untuk membatalkan atau menangguhkan sebutharga.

9. Dokumen sebutharga mestilah yang asal dan sebarang dokumen yang dicetak semula akan dibatalkan dari ikut serta dalam tawaran ini.

10. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan di tolek.

11. Syarikat-syarikat dan Pembekal yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah di kehendaki untuk berhubung dengan Seksyen Perlesenan dan Pengurusan Peniaga di talian +673 877 8770 (Hotline Seksyen Perlesenan Dan Pengurusan Peniaga) pada waktu pejabat bagi urusan *Tender Briefing* dan *Site Visit*.

12. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk melantik sebarang Tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

"Profesionalisme dan Integriti. Teras Keunggulan Perkhidmatan Awam"
"Bersama Kita Cemerlangkan Bandar Seri Begawan"

Dengan Hormat



[PENGIRAN HAJI LIYAN BIN PENGIRAN HAJI MOHAMMAD]
Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan

s.k.

YM. Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
YM. Ketua Bahagian Perlesenan, Penguatkuasaan dan Unit Pengurusan Strategik, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
YM. Ketua Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
YM. Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan